

Conference e-Proceedings

eISBN 978-967-2072-43-0

Physical & Online



I-RoLE 2023

INTERNATIONAL CONFERENCE OF
RESEARCH ON LANGUAGE EDUCATION 2023

**EMBRACING CHANGE:
EMANCIPATING THE LANDSCAPE
OF RESEARCH IN LINGUISTIC,
LANGUAGE AND LITERATURE**

13 - 14 MARCH 2023

**NOBLE RESORT HOTEL MELAKA
MALAYSIA**

ORGANISER



Cawangan Melaka



**UNIVERSITI
MELAKA**
UMEL



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

CO ORGANISERS

CONFERENCE MANAGER



WMIT GROUP SDN BHD
138118-A



eISBN 978-967-2072-43-0

Physical & Online

I-RoLE 2023

INTERNATIONAL CONFERENCE OF RESEARCH
ON LANGUAGE EDUCATION 2023

Conference e-Proceedings

International Conference of Research on Language Education 2023

13-14 March 2023 • Noble Resort Hotel, Melaka



Conference e-Proceedings
International Conference of Research on
Language Education 2023
e-ISBN: 978-967-2072-43-0

**“Embracing Change: Emancipating the Landscape of
Research in Linguistics, Language and Literature”**

13-14 March 2023
Noble Resort Hotel, Melaka
Physical and Online Conference

ORGANISER



Cawangan Melaka

CO ORGANISERS



CONFERENCE MANAGER





EDITORIAL BOARD

Chairman

Dr. Ameiruel Azwan bin Ab Aziz
Universiti Teknologi MARA

Committee Member

Fazlinda binti Hamzah
Universiti Teknologi MARA

Mohd Azlan Shah bin Sharifudin
Universiti Teknologi MARA

Dr. Amirah binti Mohd Juned
Universiti Teknologi MARA

Coordinator

Zesdyzar Rokman
WMIT Group Sdn Bhd

Rozielawati Rosli
WMIT Group Sdn Bhd

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

The views and opinions expressed therein are those of the individual authors and any statements in this publication do not imply endorsement by the publisher or the editorial staff.

e ISBN 978-967-2072-43-0



Publisher:
Zes Rokman Resources (2131022-P)
Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan



Conference e-Proceedings
International Conference of Research on Language Education 2023
e-ISBN: 978-967-2072-43-0

Table of Contents

No.	Title	Page Number
1.	Galaxy Tense A+: The Effectiveness of English Tenses Board Game Among Tertiary Students	6
2.	Graphic Design Website: Exploring Market Needs for Services	14
3.	Beyond What Eye Saw	21
4.	Creative Writing: Through Her Eyes - Tales of The Heart	28
5.	Let's Play Phonetic Charades	34
6.	A Visual Novel Game on Social Anxiety	40
7.	Skin Care with Fisha: New Media Content Creation for Basic Skincare Education	48
8.	e-Book of Poem Collections	55
9.	Toodles: Flashcards for Children	61
10.	Digital Flashcards (Tenses)	68
11.	Investigating Students' Concerns on The Development of Masterly!	74
12.	Googly Eyes: A Game to Improve English Usage Among Teenagers	80
13.	Providing Subtitles for Malaysian YouTuber	86
14.	Read and Play: Improving Adolescent's Reading Skills Through Video Games	91
15.	Thoughts by Her Soul Bookmark	99
16.	The Comedy of Errors Simplified: "Egeon's 18Th Reasons Why"	105
17.	Oliver Green: Improving Homonyms Understanding Through Comics	112
18.	PWSP: Phonetic Word Search Puzzle Book	117
19.	Floriography	121
20.	A Preliminary Study on The Young Adult's Perception of Learning English Using the Website: Swifties Read	126
21.	A Place for Poets: An Online Poetry Recitation Series	133
22.	Say It Right with Ya	140
23.	Don't Touch My No-No Square	150
24.	Templatify: An E-Book Collection of Ecards Templates	158
25.	Short Story: Disease Takes Happiness Away	164
26.	Dusted Lines: A Compilation of Self-Written Poems	170
27.	'What's Your Philosophy?' An Edutaining Card Game	177
28.	Be Cool, Not Cruel	185
29.	Grammar Made Fun with TikTok	192
30.	Interactive Journaling as A Mental Health Coping Strategy for Youths	201
31.	Learned – Spoken: Manglish	212
32.	Lost in the Labyrinth of My Mind	218
33.	Translation of Abqorie's Fardhu Ain Module for Smart Tahfiz & Transit Abqorie	225
34.	Poetry for Us: Expressing Feelings Through Creative Writing	231
35.	Lyacomms' Proofreading and Editing Service	238



No.	Title	Page Number
36.	The Effectiveness Of ‘Master the Verbs’ Instagram Flashcards Among Year Six Low Proficiency Level Students	244
37.	My Malay Fables	252
38.	Talking Story: eBooks to Improve Reading Comprehension Skills	259
39.	Exploring Creative Writing as A Tool to Enhance Mental Health	272
40.	Movie Moo	281
41.	English Pitstop	288
42.	Upin Ipin Reding Kit	294
43.	Seventy-Two Beats a Second	301
44.	Knowing Kristang	308
45.	Creatorslation: The Role of Technology in Translation Service	313
46.	Travel Guide as a Medium to Improve English Comprehensiveness	319
47.	Posterlance	328
48.	Crossfunetics	336
49.	The Effectiveness of Board Games to Promote Student Attention and Enjoyment in English Subject	342
50.	The Use of e-Books and Social Media in Introducing Malaysian Folklores Among Children	352
51.	Creepypodcast YouTube Channel	357
52.	Mastermind’: English Board Game	363
53.	한국어 In Melayu!	369
54.	Triple P with Sang Kancil: Pronunciation, Phonetics, and Playbook	376
55.	"So, She Reads" Book Blog	383
56.	Abbyfication: A Grammar-Based Word Game	389
57.	Klick! A Content Writing Service	396
58.	The Love Levanter Podcast	403
59.	Let’s Talk Feelings Podcast	409
60.	Grafixmoon: Poster Designing Service	415
61.	The Circle of Life	422
62.	Hops the Dwarf	430
63.	Malay Corner: Learning Malay Through Discord	435
64.	Movie: This and That	441
65.	Phone the Phonetics: Phonetic Flashcards	449
66.	And What If?	455
67.	Interrupted: Life in A Podcast	458
68.	@Phoneticisfun	463
69.	Culinary and Creative Writing: When Two Worlds Collide	468
70.	Talk in Senses	473
71.	Piano Pleasure Course	480
72.	Step by Step: A Motivational Instagram Account	486
73.	Figurative Language! An Educational Autobiography	492
74.	Of Power, Devotion and Betrayal: A Collection of Malaysian Princesses’ Folklores	499
75.	Tell Me, How’s Everything? An Anthology of Poems to Increase the Understanding of Figurative Language	505



No.	Title	Page Number
76.	Oh, Lendu Youth	513
77.	Living the Hard Life	520
78.	Mirror, Mirror, on the Wall, Who Is the Best of Us All?	528
79.	Beyond the Crowded Space: The Use of Podcast in Improving Psychological Well-Being	535
80.	Samdil: Same Music, Different Language	541
81.	Bejalai: A YouTube Journey	547
82.	Mind Your Language	552
83.	Pop Music Podcast: A Bop or A Flop?	560
84.	Exploring The English Language Teachers' Beliefs And Practices In Implementing CEFR-Aligned Formative Assessment In Malaysian Primary Schools	570
85.	Pencapaian Ucapan Bayi Sejak Lahir Hingga Dua Belas Bulan	575
86.	Mengkaji Makna Bahasa Lukisan Kanak - Kanak Muda Usia 0-3 Tahun	585
87.	Penelitian Terhadap Kesiediaan, Motivasi Dan Faktor Persekitaran Murid Bukan Penutur Natif Terhadap Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Karangan Respon Terbuka Di Sekolah Antarabangsa Kuala Lumpur	599
88.	Pengaruh Bahasa Ibunda Dalam Kalangan Murid Bukan Melayu Tahun 5 Semasa Menulis Karangan: Satu Kajian Kes	610
89.	Meningkatkan Penguasaan Penulisan Karangan Naratif Murid Tahun 6 Menggunakan Kit Ikan Karang	619
90.	Pengaruh Dialek Kedah Terhadap Fonetik Dan Leksikal Kata Soal Pelajar Pispmp: Satu Kajian Kes	633
91.	Tahap Pengetahuan Guru Pelatih Mempengaruhi Kekekapan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Bahasa Melayu	643

TAHAP PENGETAHUAN GURU PELATIH MEMPENGARUHI KEKERAPAN PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SUBJEK BAHASA MELAYU

Nur Farzana Binti Abdul Mutalib¹, Nor Aziah Binti Abd. Aziz², *Fauziah Hanim Binti Md Yusof³

^{1,2,3}Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Ulu Kinta, 31150 Perak
*Corresponding author

ABSTRAK:

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan guru pelatih mengenai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), mengenal pasti kekerapan pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) semasa praktikum oleh guru pelatih dan menentukan hubungan antara tahap pengetahuan KBAT dengan kekerapan pelaksanaan KBAT dalam PdP subjek Bahasa Melayu semasa praktikum oleh guru pelatih. Bagi tujuan tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif dan inferensi dengan kaedah tinjauan yang melibatkan seramai 114 orang guru pelatih unit V bidang teras Bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh (IPGKI). Dapatan data yang dikumpul daripada instrumen borang soal selidik telah dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package For Social Sciences (SPSS)* versi 27 bagi mendapatkan nilai frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai manakala data dianalisis secara inferensi bagi mendapatkan nilai pekali korelasi *Pearson*. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan guru pelatih mengenai KBAT berada pada tahap yang tinggi apabila skor min ialah 4.08 dan sisihan piawai ialah 0.49. Kekerapan pelaksanaan KBAT dalam PdP oleh guru pelatih semasa praktikum juga berada pada tahap tinggi dengan skor min 3.78 dan sisihan piawai 0.57. Analisis korelasi *Pearson* pula menunjukkan terdapatnya hubungan signifikan yang sangat kuat antara tahap pengetahuan guru pelatih dengan kekerapan pelaksanaan KBAT dalam PdP semasa praktikum oleh guru pelatih dengan nilai $r = 0.706$ dan nilai $p = 0.001$. Implikasi kajian ini ialah guru pelatih dapat bersedia untuk meningkatkan pengetahuan masing-masing mengenai KBAT dan cara melaksanakannya dalam PdP melalui kursus-kursus berkaitan KBAT. Oleh itu, kemahiran berfikir dalam kalangan murid di Malaysia dapat dipertingkatkan sekali gus menyumbang kepada perkembangan sistem pendidikan negara.

Kata Kunci: KBAT, Pengajaran dan Pembelajaran, Pengetahuan, Pelaksanaan, Guru Pelatih.

1. PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 sebagai pemangkin sistem pendidikan yang lebih stabil dan maju. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2014), terdapat enam ciri aspirasi murid yang digariskan PPPM bagi melahirkan generasi yang menuju abad ke-21, iaitu mempunyai kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti sosial, pengetahuan dan kemahiran berfikir. Lanjutan daripada itu, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) telah diperkenalkan di sekolah seluruh Malaysia bagi melahirkan murid yang menguasai kemahiran berfikir.



1.1 Pernyataan Masalah

Pelaksanaan KBAT mula dititikberatkan oleh KPM sejak tahun 2013 menerusi PPPM (2013-2025). Namun begitu, terdapat guru yang kurang melaksanakan KBAT dalam PdP dan masih mengamalkan kaedah pengajaran secara tradisional. Hal ini disokong oleh Ishak (seperti yang dinyatakan dalam Azieyana Aziz dan Christina Andin, 2018), yang menyatakan bahawa antara faktor yang menyebabkan pengintegrasian KBAT dalam PdP berada pada tahap yang rendah adalah kerana PdP dilaksanakan secara konvensional dan tidak aktif. Tindakan guru yang kurang melaksanakan KBAT dalam PdP menyebabkan murid-murid tidak dapat mengembangkan daya pemikiran dengan lebih baik malah salah satu elemen dalam PPPM iaitu aspirasi murid tidak dapat dipenuhi. Selain itu, ketidaksediaan guru juga menyebabkan mereka kurang melaksanakan KBAT dalam PdP. Hal ini disokong oleh Bael et al. (2021), yang menyatakan bahawa guru-guru belum mempunyai kesediaan yang mantap dalam pelaksanaan KBAT. Antara faktor yang menyebabkan guru-guru tidak bersedia adalah kekurangan pengetahuan mengenai KBAT. Guru yang tidak mempunyai pengetahuan mendalam mengenai KBAT akan mengalami masalah untuk melaksanakannya di dalam bilik darjah kerana mereka akan keliru dengan kaedah pelaksanaannya. Oleh sebab itu, pengkaji melihat pada keperluan kajian ini untuk dilaksanakan demi merungkai persoalan tentang tahap pengetahuan guru pelatih mengenai KBAT, kekerapan pelaksanaan KBAT dalam PdP semasa praktikum dan hubungan di antara tahap pengetahuan KBAT dengan kekerapan pelaksanaan KBAT dalam PdP semasa praktikum oleh guru pelatih.

1.2 Objektif Kajian

- i. Mengetahui tahap pengetahuan guru pelatih mengenai KBAT.
- ii. Mengetahui kekerapan pelaksanaan KBAT dalam PdP semasa praktikum oleh guru pelatih.
- iii. Menentukan hubungan antara tahap pengetahuan KBAT dengan kekerapan pelaksanaan KBAT dalam PdP semasa praktikum oleh guru pelatih.

1.3 Soalan Kajian

- i. Adakah tahap pengetahuan guru pelatih mengenai KBAT?
- ii. Adakah guru pelatih kerap melaksanakan KBAT dalam PdP semasa praktikum?
- iii. Adakah hubungan antara tahap pengetahuan KBAT dengan kekerapan pelaksanaan KBAT dalam PdP semasa praktikum oleh guru pelatih?

1.4 Hipotesis Kajian

Hipotesis alternatif:

Ha: Terdapat hubungan signifikan antara tahap pengetahuan KBAT dengan kekerapan pelaksanaan KBAT dalam PdP semasa praktikum oleh guru pelatih.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian tinjauan ini menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif dan inferensi. Populasi kajian ini terdiri daripada 145 orang guru pelatih unit V bidang teras Bahasa Melayu di IPGKI yang sedang menjalani praktikum di sekolah. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), seramai 103 orang daripada keseluruhan bilangan populasi terlibat sebagai sampel kajian ini. Namun begitu, pengkaji telah membuat keputusan untuk menggunakan seramai 114 orang sampel bagi mengelakkan berlakunya ketidaktepatan jawapan semasa proses

menganalisis data dijalankan seperti data rosak atau tidak mencukupi. Menurut Norma Jusof dan Mohamad Isa Hamzah (2020), semua sampel dalam populasi akan mendapat peluang yang sama untuk terpilih menjadi responden secara adil jika pengkaji menggunakan kaedah pemilihan sampel secara rawak. Oleh itu, pengkaji telah memilih sampel menggunakan kaedah persampelan secara rawak.

Seterusnya, kajian ini menggunakan instrumen borang soal selidik yang mengandungi tiga bahagian. Instrumen ini diubah suai daripada kajian Syazana Sahari dan Zamri Mahamod (2018) dan kajian Nursafra Mohd Zhaffar et al. (2021). Pengkaji telah mendapatkan kesahan pakar daripada pensyarah Jabatan Pengajian Melayu, iaitu Dr. Hj. Mohd Taufik bin Hj. Ahmed bagi meningkatkan kesahan instrumen kajian ini.

Kemudian, kajian rintis dijalankan ke atas 32 orang guru pelatih Bahasa Melayu unit U bidang teras Bahasa Melayu di IPGKI. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 27. Jumlah keseluruhan nilai *Alpha Cronbach* bagi instrumen kajian ini ialah 0.96 yang menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaannya berada dalam keadaan sangat baik dan efektif dengan tahap konsisten yang tinggi sekali gus dapat ditadbir dan digunakan dalam penyelidikan sebenar (Bond & Fox, 2015).

3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan objektif 1 merujuk perbincangan pada jadual 1.

Bil	Item	Kekerapan Peratus					Min	Sisihan Piawai
		STS	TS	TP	S	SS		
B1	Saya boleh menjelaskan konsep KBAT secara umum.	0 (0%)	0 (0%)	35 (30.7%)	54 (47.4%)	25 (21.9%)	3.91	0.72
B2	Saya telah mendapat pendedahan dan pengetahuan yang mencukupi untuk melaksanakan KBAT dalam PdP.	0 (0%)	3 (2.6%)	43 (37.7%)	52 (45.6%)	16 (14.0%)	3.71	0.73
B3	Saya mengetahui KBAT merupakan kemahiran yang penting dalam PAK-21.	0 (0%)	1 (0.9%)	5 (4.4%)	42 (36.8%)	66 (57.9%)	4.52	0.62
B4	Saya mengetahui KBAT penting bagi melahirkan murid yang berfikiran kreatif dan kritis.	0 (0%)	0 (0%)	10 (8.8%)	30 (26.3%)	74 (64.9%)	4.56	0.65

B5	Saya mengetahui hierarki Taksonomi Bloom.	0 (0%)	1 (0.9%)	17 (14.9%)	34 (29.8%)	62 (54.4%)	4.38	0.76
B6	Saya mengetahui elemen KBAT dalam DSKP Bahasa Melayu.	0 (0%)	3 (2.6%)	18 (15.8%)	54 (47.4%)	39 (34.2%)	4.13	0.77
B7	Saya mengetahui teknik penyoalan yang boleh menggalakkan murid berfikir secara KBAT.	0 (0%)	5 (4.4%)	27 (23.7%)	49 (43.0%)	33 (28.9%)	3.96	0.84
B8	Saya mengetahui strategi pengajaran yang sesuai untuk digunakan bagi melaksanakan KBAT dalam PdP.	0 (0%)	2 (1.8%)	37 (32.5%)	47 (41.2%)	28 (24.6%)	3.89	0.79
B9	Saya mengetahui terdapat banyak aktiviti yang sesuai dan menarik dalam buku teks untuk merangsang KBAT murid.	2 (1.8%)	1 (0.9%)	32 (28.1%)	49 (43.0%)	30 (26.3%)	3.91	0.85
B10	Saya mengetahui cara pentaksiran KBAT dengan bertanyakan soalan terbuka yang memerlukan jawapan melalui pemerhatian, bukti dan penjelasan yang diterima terdahulu.	0 (0%)	6 (5.3%)	27 (23.7%)	54 (47.4%)	27 (23.7%)	3.89	0.82
Jumlah							4.08	0.49

STS = Sangat Tidak Setuju

TS = Tidak Setuju

TP = Tidak Pasti

S = Setuju

SS = Sangat Setuju

(Sumber: Penyelidikan Tinjauan 2022)

Jadual 1 Tahap Pengetahuan Guru Pelatih Mengenai KBAT

Berdasarkan Jadual 1, skor min untuk tahap pengetahuan guru pelatih mengenai KBAT berada antara 3.71 hingga 4.56. Item yang mempunyai skor min tertinggi dalam bahagian ini, iaitu 4.56 ialah item B4 (saya mengetahui KBAT penting bagi melahirkan murid yang berfikiran kreatif dan kritis). Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa guru pelatih unit V bidang teras Bahasa Melayu mengetahui bahawa KBAT merupakan kemahiran yang penting bagi melahirkan murid yang berfikiran kreatif dan kritis seperti yang dilaksanakan dalam Pembelajaran Abad ke-21. Hasil dapatan kajian ini telah disokong oleh Ng et al. (2020), yang menyatakan bahawa murid mestilah memenuhi elemen 4C yang dilaksanakan dalam PAK-21, iaitu menjadi penyampai (*Communicators*), kolaborator (*Colaborators*), pemikir yang kritis (*Critical thinkers*) dan pencipta (*Creators*) demi memperkembangkan potensi diri secara optimum serta boleh bersaing dalam masyarakat. Seterusnya, item B2 (saya telah mendapat pendedahan dan pengetahuan yang mencukupi untuk melaksanakan KBAT dalam PdP) mempunyai skor min terendah berbanding item-item lain dalam bahagian ini, iaitu 3.71. Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat responden yang tidak pernah diberikan pendedahan dan tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk melaksanakan KBAT dalam PdP. Rumusannya, berdasarkan dapatan analisis dalam Jadual 1, tahap pengetahuan guru pelatih mengenai KBAT berada pada tahap yang tinggi apabila skor min ialah 4.08 dan sisihan piawai ialah 0.49.

Hasil dapatan objektif 2 merujuk pada jadual 2.

Bil	Item	Kekerapan Peratus					Min	Sisihan Piawai
		STS	TS	TP	S	SS		
C1	Saya kerap mengaplikasikan pelbagai strategi dan teknik KBAT dalam PdP.	1 (0.9%)	3 (2.6%)	37 (32.5%)	55 (48.2%)	18 (15.8%)	3.75	0.78
C2	Saya kerap menjalankan PdP dengan melaksanakan KBAT dalam aktiviti-aktiviti yang menarik perhatian murid.	1 (0.9%)	2 (1.8%)	32 (28.1%)	60 (52.8%)	19 (16.7%)	3.82	0.75
C3	Saya kerap menjalankan PdP yang berunsurkan KBAT dalam aktiviti-aktiviti yang merangsang pemikiran murid dan membantu murid mengakses pengetahuan sedia ada.	1 (0.9%)	2 (1.8%)	30 (26.3%)	63 (55.3%)	18 (15.8%)	3.83	0.74
C4	Saya berperanan sebagai guru dengan memberikan situasi dan mengenal pasti tugas pengajaran untuk mencipta minat dan sifat ingin tahu	0 (0%)	2 (1.8%)	27 (23.7%)	57 (50.0%)	28 (24.6%)	3.97	0.74



	murid tentang konsep baru.							
C5	Saya kerap menggalakkan murid untuk menggunakan alat berfikir KBAT yang sesuai dan menarik.	1 (0.9%)	6 (5.3%)	29 (25.4%)	55 (48.2%)	23 (20.2%)	3.82	0.84
C6	Saya kerap meminta murid untuk mencipta sesuatu yang baru berunsurkan KBAT berdasarkan topik yang dipelajari dalam jangka masa yang diberikan.	2 (1.8%)	8 (7.0%)	41 (36.0%)	43 (37.7%)	20 (17.5%)	3.62	0.91
C7	Saya kerap menyediakan aktiviti KBAT seperti merancang, menyasat, menyusun pengalaman konkrit untuk membina konsep, proses dan kemahiran murid.	1 (0.9%)	11 (9.6%)	41 (36.0%)	45 (39.5%)	16 (14.0%)	3.56	0.88
C8	Saya kerap menetapkan objektif pembelajaran berdasarkan KBAT dan kemampuan murid untuk menyesuaikan tajuk merentas subjek.	0 (0%)	4 (3.5%)	36 (31.6%)	52 (45.6%)	22 (19.3%)	3.81	0.78
C9	Saya kerap meminta murid untuk menghubungkan topik KBAT yang dipelajari dalam analisis penerokaan mereka dengan menggunakan perkataan sendiri.	1 (0.9%)	8 (7.0%)	42 (36.8%)	44 (38.6%)	19 (16.7%)	3.63	0.87
C10	Saya kerap menggunakan strategi PdP berpusatkan	0 (0%)	2 (1.8%)	25 (21.9%)	51 (44.7%)	36 (31.6%)	4.06	0.77



	murid bagi melaksanakan KBAT dalam PdP.							
C11	Saya kerap mengajukan soalan susulan berunsurkan KBAT supaya murid dapat mengembangkan dan mengukuhkan kefahaman mereka mengenai topik pembelajaran.	0 (0%)	2 (1.8%)	34 (29.8%)	48 (42.1%)	30 (26.3%)	3.93	0.79
C12	Saya kerap membimbing murid untuk menghasilkan bahan pembelajaran yang menarik berunsurkan KBAT berdasarkan situasi sebenar.	0 (0%)	5 (4.4%)	43 (37.7%)	43 (37.7%)	23 (20.2%)	3.74	0.83
C13	Saya kerap meminta murid untuk memberikan justifikasi berunsurkan KBAT bagi refleksi yang dihasilkan selepas aktiviti untuk menilai kemajuan dan selepas melengkapkan unit pembelajaran untuk menilai kemajuan dan selepas melengkapkan unit pembelajaran bagi menilai kefahaman.	1 (0.9%)	5 (4.4%)	37 (32.5%)	55 (48.2%)	16 (14.0%)	3.70	0.79
Jumlah							3.78	0.57

STS = Sangat Tidak Setuju TS = Tidak Setuju TP = Tidak Pasti S = Setuju SS = Sangat Setuju

(Sumber: Penyelidikan Tinjauan 2022)

Jadual 2. Kekerapan Pelaksanaan KBAT dalam PdP semasa Praktikum oleh Guru Pelatih.

Berdasarkan jadual 2, skor min untuk kekerapan pelaksanaan KBAT dalam PdP semasa praktikum oleh guru pelatih berada antara 3.56 hingga 4.06. Item C10 (saya kerap menggunakan strategi PdP berpusatkan murid bagi melaksanakan KBAT dalam PdP) merupakan item yang mempunyai nilai min tertinggi iaitu 4.06. Selain itu, pengkaji mendapati item C7, iaitu “saya kerap menyediakan aktiviti KBAT seperti merancang, menyasat, menyusun pengalaman konkrit untuk membina konsep, proses dan kemahiran murid” berada pada tahap yang sederhana dan

terendah dalam bahagian C, iaitu 3.56. Rentetan daripada dapatan kajian ini, dapat dilihat bahawa terdapat responden yang tidak kerap menyediakan aktiviti berunsurkan KBAT kepada murid kerana mereka hanya menumpukan perhatian untuk menghabiskan topik dalam masa yang ditetapkan. Hasil dapatan ini disokong dengan kajian Sharifah Nor Puteh et al. (seperti yang dinyatakan dalam Marzni Mohamed Mokhtar et al., 2018), yang menyatakan bahawa guru tidak konsisten mengaplikasikan KBAT dalam PdP kerana tidak mempunyai perancangan yang teliti disebabkan oleh kekangan masa untuk menyelesaikan silibus. Konklusinya, analisis dalam Jadual 2 merumuskan bahawa kekerapan pelaksanaan KBAT dalam PdP oleh guru pelatih semasa praktikum berada pada tahap tinggi dengan skor min 3.78 dan sisihan piawai 0.57.

Hasil dapatan objektif 3 merujuk keputusan ujian korelasi pada jadual 3.

Hipotesis Alternatif	Nilai r	Nilai P	Keputusan Pengujian Hipotesis
Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan KBAT dengan kekerapan pelaksanaan KBAT dalam PdP semasa praktikum oleh guru pelatih.	0.706	0.001	Sangat Kuat
Aras signifikan, $\alpha = 0.01$	Nilai P = Nilai Signifikan	Nilai r = Nilai Pekali Pearson	Jadual 3 Keputusan Ujian Korelasi

Hasil hipotesis yang terdapat dalam Jadual 3 membuktikan bahawa terdapat hubungan signifikan antara tahap pengetahuan guru pelatih dengan kekerapan pelaksanaan KBAT dalam PdP semasa praktikum oleh guru pelatih. Tahap keputusan kekuatan hubungan ditentukan berdasarkan tafsiran pekali korelasi oleh Davies (Ghazali Darusalam & Suffean Hussin, 2016). Nilai pekali Pearson, r adalah 0.706 manakala nilai signifikan, p ialah 0.001 iaitu lebih kecil daripada 0.05 ($r = 0.796$, $p < 0.05$). Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang sangat kuat antara tahap pengetahuan guru pelatih dengan kekerapan pelaksanaan KBAT dalam PdP semasa praktikum oleh guru pelatih. Kenyataan ini bermaksud semakin tinggi tahap pengetahuan guru pelatih, semakin tinggi kekerapan pelaksanaan KBAT dalam PdP semasa praktikum oleh guru pelatih. Kajian Syazana Sahari dan Zamri Mahamod (2018), menyokong dapatan kajian ini dengan menyatakan bahawa pelaksanaan KBAT dalam PdP akan menjadi mudah sekiranya guru mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap KBAT. Rumusannya, hipotesis alternatif yang dibina ini diterima.

4. KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kesimpulannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa guru pelatih unit V bidang teras Bahasa Melayu di IPGKI mempunyai tahap pengetahuan dan kekerapan pelaksanaan KBAT dalam PdP semasa praktikum yang tinggi. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa wujud hubungan signifikan yang sangat kuat antara tahap pengetahuan KBAT dengan kekerapan pelaksanaan KBAT dalam PdP semasa praktikum. Justeru, jelaslah bahawa tahap pengetahuan seorang guru pelatih dapat mempengaruhi kekerapan pelaksanaan KBAT dalam PdP semasa praktikum.

Berdasarkan dapatan-dapatan kajian, guru pelatih dapat membuat refleksi sendiri dengan lebih bersedia mengenai pengetahuan KBAT dan strategi pelaksanaan KBAT dalam PdP. Lanjutan daripada itu, guru pelatih akan lebih berkeyakinan untuk melaksanakan KBAT dalam PdP semasa praktikum. Di samping itu, pihak KPM juga boleh memperkasakan kursus-kursus

berkaitan KBAT di semua IPG dan institusi pendidikan lain demi meningkatkan pengetahuan bakal pendidik yang bakal menjadi penggerak utama untuk mewujudkan pendidikan berkualiti suatu hari nanti.

Akhir sekali, pengkaji mencadangkan beberapa penambahbaikan untuk meningkatkan mutu kajian ini. Antaranya adalah menjalankan kajian lanjutan dalam reka bentuk kajian yang lain seperti kajian tindakan atau kaedah gabungan (*mix methods*). Menurut Dg Norizah Ag Dzulkifli et al. (2021), kajian yang dilaksanakan menggunakan kedua-dua kaedah iaitu kualitatif dan kuantitatif akan mendorong untuk mendapatkan dapatan kajian yang lebih tekal.

Konklusinya, pengkaji berharap agar kajian yang telah dijalankan dapat membantu dan menjadi sumber rujukan kepada pengkaji akan datang yang bakal menjayakan kajian selanjutnya berkaitan isu-isu KBAT.

RUJUKAN

- Azieyana Aziz & Christina Andin. (2018). Penggunaan strategi pembelajaran koperatif untuk meningkatkan tahap kemahiran berfikir aras tinggi pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 1-9.
- Bael, B. T., Nachiappan, S., & Pungut, M. (2021). Analisis kesediaan guru dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran, pengajaran dan pemudahcaraan abad ke 21. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 100-119.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying the Rasch Model: fundamental measurement in the human sciences (3rd. ed)*. Lawrence Erlbaum Associates.
- Dg Norizah Ag Dzulkifli, Roslee Talip, Tan, C. K., Soon, B., Lee, B. N., Rosy, T., & Mad Noor Madjapuni. (2021). Pengaruh pembangunan pelaksanaan nilai dalam pendidikan abad ke-21 terhadap pembentukan sahsiah murid sekolah kurang murid (SKM) luar bandar di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(1), 119 – 127.
- Ghazali Darusalam & Suffean Hussin. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: amalan dan analisis kajian*. Universiti Malaya Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Buku dasar elemen kemahiran berfikir aras tinggi (pedagogi)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Marzni Mohamed Mokhtar, Rohizani Yaakub & Fadzilah Amzah. (2018). Cabaran guru Bahasa Melayu dalam usaha melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) penulisan karangan argumentatif. *Malaysian Online Journal of Education*, 2(2), 7-14.
- Norma Jusof & Mohamad Isa Hamzah. (2020). Kemahiran guru Pendidikan Islam di sekolah rendah terhadap pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid: satu analisa. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 1-26.
- Nursafra Mohd Zhaffar, Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Norasmahani Nor, Nor Anis Musa & Mohd Syaubari Othman. (2020). *Persidangan antarabangsa sains sosial dan kemanusiaan ke-5 (PASAK52020) – dalam talian*. http://conference.kuis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak2020/042_ID140_Kekangan_Pelaksanaan_Kemahiran_Berfikir_Aras_Tinggi_Dalam_Pengajaran.pdf.
- Syazana Sahari & Zamri Mahamod. (2018). Persepsi guru Bahasa Melayu sekolah rendah daerah Sri Aman terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 6(1), 63 – 78.